

## BAGI MENENTUKAN LANGKAH BERKESAN BERHUBUNG SOAL RAJA BERPERLEMBAGAAN

# MT UMNO

# tubuh

# badan khas

UM 12 Ogos 1990

UM 12 Ogos 1990

**KUALA LUMPUR 11 Dis. —** Majlis Tertinggi (MT) UMNO malam ini membuat keputusan menubuhkan sebuah badan khas bagi menentukan langkah berkesan berhubung soal raja berperlembagaan.

Presiden UMNO, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, penubuhan badan itu adalah sebagai memenuhi kehendak perwakilan parti dalam perhimpunan agung baru lalu yang mahu langkah itu diambil bagi mengelakkan berlakunya pencabulan terhadap institusi raja berperlembagaan.

Katanya, badan itu akan diketuai oleh Timbalan Presiden, Encik Ghafar Baba dan keanggotaan badan itu akan diputuskan kemudian.

Beliau menyatakan demikian dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MT yang pertama sejak Perhimpunan Agung UMNO 29 November lalu, di Ibu Pejabat UMNO di sini.

Dalam perhimpunan itu, UMNO Bahagian Tanjung yang membawa usul pengertian raja berperlembagaan telah meminta MT menubuhkan jawatankuasa khas bagi mengkaji dan mengemaskinkan undang-undang dan perlembagaan bersabit dengan raja-raja yang tidak mematuhi undang-undang.

Menjawab satu pertanyaan, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, mesyuarat tersebut telah membayangkan beberapa anggota MT untuk menganggotai badan itu tetapi terpulanglah kepada Encik Ghafar jika ingin membuat perlintikannya sendiri.

"Kita serahkan segalanya kepada beliau," katanya.

Ditanya apakah pucuk pimpinan UMNO akan membawa usul mengenai raja yang dilulus sebulat suara dalam perhimpunan agung parti itu kepada Majlis Raja-Raja, beliau berkata:

"Itu adalah kemungkinan tetapi kita belum buat keputusan mengenainya."

Oleh  
**Aziz Ishak**

Katanya lagi, sekiranya langkah itu diambil, perkara tersebut mungkin akan disampaikan oleh beliau sendiri, Encik Ghafar atau mana-mana anggota MT.

Dalam hal ini, tegas Perdana Menteri, MT akan bertanggungjawab terhadap apa-apa masalah atau kesalahan undang-undang berhubung usul tersebut.

"Kita sebagai ahli MT merasakan kita bertanggungjawab terhadap keseluruhannya... pada apa yang berlaku semasa Perhimpunan Agung UMNO itu.

"Kita yang bertanggungjawab, bukan orang lain kerana kita yang mengendalikan perhimpunan itu."

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, masih ada pihak yang kurang jelas terhadap makna dan tujuan sebenar usul itu dibahaskan.

Katanya, mesyuarat tersebut telah membincangkan panjang lebar berhubung perkara-perkara yang bangkit dalam perhimpunan agung baru-baru ini.

Mengenai keadaan di Sabah khususnya selepas pilihanraya kecil Sipitang dan Sulabayan, beliau berkata, UMNO sedang mengkaji perkembangan terbaru itu termasuk soal kekalahan Barisan Nasional (BN) di Sipitang.

Katanya, MT mendapat tahu bahawa terdapat usaha oleh pihak tertentu di Sabah menyalahaktif orang-orang Semenanjung sebagai orang asing.

Tegasnya, perbuatan itu boleh menimbulkan perasaan kedaerahan yang tidak sihat dan boleh menjiskan integrasi nasional.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan masih meneliti perkara itu dan belum mengambil apa-apa tindakan yang sewajarnya.